

P.U. (A) 232.

AKTA PENDIDIKAN 1996

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (AKAUN DAN AUDIT) 2002

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Audit
5. Kuasa juruaudit
6. Tanggungjawab pengurus sekolah
7. Tanggungjawab Ketua Pusat Tanggungjawab
8. Laporan audit
9. Kewajipan pengurus sekolah untuk memberikan jawapan atas apa-apa laporan atau pertanyaan audit
10. Penyiasatan
11. Kerahsiaan
12. Tatacara yang hendaklah dipatuhi
13. Penalti
14. Pembatalan

JADUAL

## AKTA PENDIDIKAN 1996

## PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (AKAUN DAN AUDIT) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 130 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2002.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi institusi pendidikan Islam dan institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan yang menerima bantuan kewangan di bawah seksyen 52 dan 64 Akta masing-masing.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bahagian Audit” ertinya Bahagian Audit Sekolah Kementerian Pendidikan dan Pejabat Audit Sekolah di setiap Negeri;

“bantuan kewangan” ertinya sumbangan dalam bentuk wang atau bukan dalam bentuk wang;

“juruaudit” ertinya seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri untuk menjalankan sesuatu audit;

“Ketua Pusat Tanggungjawab” ertinya Pengarah Pendidikan Negeri atau Ketua sesuatu Bahagian di Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab bagi penyeliaan dan pengurusan kewangan sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan;

“pengurus sekolah” ertinya guru besar atau pengetua yang bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan;

“penyata kewangan tahunan” ertinya suatu penyata yang menunjukkan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember bagi kumpulan wang yang disenggarakan oleh sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan yang mengandungi—

- (a) kunci kira-kira;
- (b) penyata pendapatan dan perbelanjaan;
- (c) penyata penerimaan dan pembayaran;

- (d) nota akaun; dan
- (e) penyata lain yang berkaitan;

“rekod kewangan” ertinya dokumen yang dikehendaki disimpan oleh sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

#### **Audit**

4. Pengauditan penyata kewangan tahunan sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan yang menerima bantuan kewangan di bawah Akta hendaklah dibuat oleh seseorang juruaudit di sesuatu Bahagian Audit.

#### **Kuasa juruaudit**

5. Seseorang juruaudit hendaklah, dalam menjalankan pengauditan penyata kewangan sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan, mempunyai kuasa-kuasa yang berikut:

- (a) memeriksa semua rekod kewangan, dokumen, wang, setem, hakmilik, stor atau harta lain institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan itu;
- (b) meminta apa-apa penjelasan atau maklumat, bilamana perlu, daripada pengurus sekolah untuk memudahkannya menjalankan tugasnya;
- (c) meminta suatu carian bagi atau cabutan daripada apa-apa buku, dokumen atau rekod yang dalam pemilikan atau di bawah kawalan institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan itu; dan
- (d) menjalankan apa-apa penyiasatan atau pemeriksaan lain bilamana perlu.

#### **Tanggungjawab pengurus sekolah**

6. Pengurus sekolah hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) penyediaan suatu penyata kewangan tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember tiap-tiap tahun mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum; dan
- (b) pengemukakan penyata kewangan itu kepada Ketua Pusat Tanggungjawab yang kemudiannya hendaklah mengemukakan penyata kewangan tahunan itu kepada Bahagian Audit tidak lewat dari 31 Mac tahun yang berikutnya.

#### **Tanggungjawab Ketua Pusat Tanggungjawab**

7. Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa—

- (a) penyata kewangan tahunan sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dikemukakan kepada Bahagian Audit mengikut peraturan 6; dan

- (b) institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan itu mengambil apa-apa tindakan, jika keadaan memerlukan, atas apa-apa laporan atau pertanyaan audit yang berhubungan dengan institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan itu.

#### Laporan audit

8. (1) Seseorang juruaudit hendaklah menyediakan suatu laporan audit berkenaan dengan penyata kewangan tahunan sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dan hendaklah mengemukakan yang berikut:

- (a) laporan audit kepada Ketua Pusat Tanggungjawab;
- (b) suatu salinan laporan audit kepada pengurus sekolah yang berkenaan bagi maksud peraturan 9; dan
- (c) laporan audit tahunan yang disatukan kepada Menteri.

(2) Bagi maksud peraturan ini "laporan audit yang disatukan" ertinya laporan yang disatukan tentang audit tahunan yang telah dijalankan ke atas semua institusi pendidikan.

#### Kewajipan pengurus sekolah untuk memberikan jawapan atas apa-apa laporan atau pertanyaan audit

9. Pengurus sekolah hendaklah memberikan jawapan atas apa-apa laporan atau pertanyaan audit yang dibuat oleh juruaudit dalam tempoh tiga bulan dari tarikh laporan atau pertanyaan audit itu.

#### Penyiasatan

10. Menteri boleh, jika hal keadaan mewajarkannya, meminta seseorang juruaudit untuk menjalankan suatu penyiasatan dalam hal ehwal sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan.

#### Kerahsiaan

11. (1) Seseorang juruaudit tidak boleh mendedahkan kepada mana-mana orang apa-apa maklumat yang diperolehinya pada menjalankan kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang juruaudit adalah dibenarkan untuk membuat atau menyampaikan, dalam mana-mana laporan audit, apa-apa kesimpulan, siasatan atau syor berdasarkan maklumat yang diperolehinya pada menjalankan kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

#### Tatacara yang hendaklah dipatuhi

12. Tatacara yang terkandung dalam—

- (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];

- (b) Arahan Perbendaharaan yang pada masa ini sedang berkuat kuasa;
- (c) peraturan-peraturan yang berhubungan dengan akaun dan audit institusi pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Perbendaharaan;
- (d) Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan sebagaimana yang dinyatakan oleh Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan; dan
- (e) apa-apa tatacara lain yang berhubungan dengan akaun dan audit institusi pendidikan sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri,

hendaklah dipatuhi oleh sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dalam pengurusan akaun dan auditnya.

#### **Penalti**

13. Seseorang yang melanggar Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

#### **Pembatalan**

14. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 1962 [L.N. 298/62]-dibatalkan.

#### JADUAL [Peraturan 3]

#### REKOD KEWANGAN

1. Buku Tunai
2. Resit Pelajar
3. Resit Pejabat
4. Penyata Bank
5. Penyata Penyesuaian Bank
6. Daftar Kutipan Harian
7. Daftar Bil
8. Buku Tunai Runcit
9. Jadual Kedatangan Murid

10. Daftar Penghuni Asrama
11. Buku Cek Sekolah
12. Daftar Stok Buku Resit
13. Daftar Aset dan Inventori
14. Baucar
15. Baucar Kecil
16. Pesanan Tempatan

Dibuat 7 Mei 2002.

[KP(PUU)S10075/07/1/11d. 11; PN(PU<sup>2</sup>)569b]

TAN SRI MUSA BIN MOHAMAD  
*Menteri Pendidikan*